



TARIKH IKLAN : 17 MAC 2026

**JABATAN PERHUTANAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN**



KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **030401**, berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan dan mempunyai Sijil Pematuhan Cukai (TCC) berstatus **PATUH** untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut :

BIL	NO. DAN TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH TAKLIMAT	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN MASA TUTUP TAWARAN SEBUT HARGA
1.	PPN.PK. (SH) 63/2026 (BEP) Bekalan Peralatan dan Keperluan bagi Aktiviti Menaiktaraf Trek Pendakian dalam Hutan Simpanan Kekal Negeri Perak	030401	Tarikh : 30 Mac 2026 (Isnin) Masa : 10.00 Pagi Tempat : Bilik Mesyuarat 3, Aras 2, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Tarikh : Mulai 30 Mac 2026 (Isnin) Tempat : Bahagian Eko Pelancongan Hutan, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Tarikh : 7 April 2025 (Selasa) Masa : 12.00 Tengahari

Hanya penama syarikat yang berdaftar di dalam SSM sahaja yang layak menyertai sesi taklimat ini. Sila bawa bersama kad pengenalan, dokumen SSM, KKM dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) berstatus PATUH semasa sesi taklimat sebut harga.

1. Kontraktor yang berminat untuk menyertai sebut harga ini adalah **diwajibkan untuk menghadiri sesi taklimat / lawatan tapak sebut harga** sepertimana ketetapan di dalam kenyataan sebut harga.
2. Hanya penama syarikat yang sah sahaja dibenarkan menghadiri dan mengikuti lawatan tapak dan perlu membawa dokumen berikut untuk semakan :
 - a) **Kad Pengenalan pemilik syarikat;**
 - b) **Sijil pendaftaran yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);**
 - c) **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM);**
 - d) **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (kod bidang) yang masih aktif dan sah tempoh yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM); dan**
 - e) **Sijil Pematuhan Cukai (TCC) berstatus PATUH yang masih aktif bagi tahun semasa.**
3. Dokumen Sebut harga boleh dibeli mulai **30 Mac 2026 (Isnin) sehingga sebelum tutup Sebut harga** pada waktu pejabat di Bahagian Eko Pelancongan Hutan, Jabatan Perhutanan Negeri Perak.
4. Dokumen Sebut harga akan dijual dengan harga **RM 20.00 senaskhah** kepada kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah sahaja. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Pos / Bank Deraf / Debit** atas nama "**BENDAHARI NEGERI PERAK**". Bayaran secara **Wang Tunai tidak akan diterima**. Semasa pembelian dokumen Sebut harga, penama juga **DIWAJIBKAN** untuk mengemukakan bersama **Salinan Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak yang bernilai RM 50.00** bagi tahun semasa.
5. Dokumen Sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis di penjurukan kanan Sampul Surat No. Sebut harga dan dialamatkan seperti di bawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak sebelum atau pada 7 April 2026 (Selasa) pada jam 12.00 tengahari.**

**PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA
BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN**

Disahkan Oleh :


(AZNI RAHMAN BIN A. WAHID) / 13/3/2026
Timbalan Pengarah (Pembangunan)
b.p Pengarah Perhutanan Negeri,
Perak Darul Ridzuan.